

Berikan hak 3.4 juta ahli UMNO pilih pemimpin

KUALA LUMPUR - Kaedah baru cadangan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO perlu diperluaskan kepada semua perwakilan di peringkat cawangan membabitkan 3.4 juta ahli sebagai langkah mengurangkan gejala amalan politik wang dalam UMNO.

Oleh:
**AMRAN
MAMAT**

• **LIHAT MUKA 4**



Tengku Razaleigh Hamzah

Berikan Hak 3.4 Juta Ahli UMNO Pilih Pemimpin

Pelbagai pihak mengharapkan perubahan dilakukan dengan memberikan hak dan kuasa ahli UMNO di peringkat cawangan menentukan barisan tertinggi kepimpinan parti sepertimana kaedah hak memilih dalam pilihan raya umum.

Cadangan kepada perubahan pemilihan anggota MT di perluaskan kepada perwakilan di peringkat bahagian telah dikemukakan oleh Naib Presiden UMNO, Tan Seri Muhyiddin Yassin.

Berikutan itu, hampir kesemua negeri kecuali Johor, telah menyatakan sokongan kepada perubahan tersebut termasuk diberikan kuasa kepada ahli-ahli parti di peringkat cawangan.

UMNO Bahagian Gua Musang, Kelantan diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah merupakan bahagian pertama daripada 191 bahagian seluruh negeri, yang telah mengadakan Mesyuarat Khas pada 22 Mei lalu berhubung cadangan pindaan tersebut.

Ketika menyuarakan cadangan pindaan itu, beliau menegaskan perubahan perlu dilakukan untuk 'mendemokraskan' UMNO dengan memberikan kuasa mutlak kepada ahli di peringkat akar umbi yang berdaftar menentukan pemimpin pilihan mereka secara bebas dan telus.

Malah bekas Menteri Kewangan itu sudah pun menyuarakan pandangan supaya Perlembagaan UMNO dipinda berhubung kuasa dan hak ahli-ahli parti di peringkat cawangan memilih pemimpin, menjelang Perhimpunan Agung UMNO September 2004.

Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis) turut bertegas menyatakan pindaan perlu dilakukan termasuk memberi kuasa kepada 3.4 juta ahli di peringkat akar umbi-menentukan pilihan mereka bagi menghapuskan rasuah politik dalam UMNO.

RASUAH POLITIK

Tengku Razaleigh ketika ditemui di Gua Musang selepas Mesyuarat Khas UMNO Bahagian berke naan 22 Mei lalu menjelaskan, kuasa dan hak perlu diperluaskan kepada 3.4 juta ahli di peringkat cawangan menentukan pilihan mereka.

"Berikan hak dan kuasa kepada ahli diperingkat akar umbi menentukan pilihan mereka. Politik wang susah hendak dibendung, tetapi dengan kaedah baru ini mungkin peratusannya akan berkurangan dan ia (rasuah politik) tidak berleluasa seperti sekarang," tegasnya.

Beliau berkata, rasuah politik dalam UMNO sukar hendak di banteras sepertimana susah nya Badan Pencegah Rasuah (BPR) memerangi gejala itu dalam pelbagai sektor, termasuk perkhidmatan awam.

"Kita perlu pinda Perlembagaan UMNO. Bukan sekadar diberikan hak kepada lebih 90,000 ahli di peringkat bahagian, tetapi perlu diperluaskan ke peringkat cawangan membuat pilihan, sepertimana kita lakukan pada pilihan raya umum," jelasnya.

Dengan kaedah itu katanya, ahli cawangan diberikan pilihan secara bebas memilih pemimpin yang mereka kehendaki samada di peringkat Bahagian, MT UMNO termasuk Presiden, Timbalan dan Naib Presiden.

6 Dengan jumlah 3.4 juta ahli UMNO, agak mustahil setiap calon yang bertanding akan menemui kesemua mereka di seluruh cawangan untuk disogokkan wang atau pemberian berupa rasuah politik

"Dengan jumlah 3.4 juta ahli UMNO, agak mustahil setiap calon yang bertanding akan menemui kesemua mereka di seluruh cawangan untuk disogokkan wang atau pemberian berupa rasuah politik," jelasnya.

Beliau turut menjelaskan, jika 3.4 juta ahli di peringkat cawangan diberikan hak dan kuasa memilih, sekatan berkempen sudah tidak perlu lagi dikenakan sepertimana sekarang.

"Jika sekatan berkempen dihapuskan, kita berpeluang melihat sejauhmana kesanggupan dan kemampuan seseorang calon itu mengadakan jamuan dan menghulurkan pemberian kepada 3.4 juta ahli untuk meraih undi," tegasnya.

Dengan mengambil contoh di Indonesia di era peme-

rintahan Presiden Sukarno, Suharto dan Megawati, Tengku Razaleigh menjelaskan, sistem pilihan raya di negara tersebut dilakukan tidak membabitkan keseluruhan rakyat di peringkat akar umbi.

"Tetapi, apabila kuasa kerajaan bertukar tangan kepada Susilo Bambang, beliau telah meminda sistem pilihan raya dengan memberi peluang kepada 100 juta rakyat yang layak mengundi dan membuat pilihan secara bebas memilih pemimpin," ujarnya.

"Rakyat negara itu yang mendiami 13 ribu buah pulau yang diberikan peluang dan hak mereka akhirnya membuat keputusan tepat memilih pemimpin mereka termasuk menamakan Susilo sebagai Presiden,"

Sehubungan itu kata Tengku Razaleigh, UMNO yang cukup berpengalaman melalui 11 kali pilihan raya, mempunyai sistem pentadbiran yang cekap dan rakyat tidak terlalu banyak mampu melakukan perubahan seperti mana yang sudah dibuktikan di Indonesia.

"Bukan bermakna kita meniru sepenuhnya daripada negara tersebut, tetapi cara pelaksanaannya ternyata memberi peluang dan hak secara bebas kepada rakyat menentukan pilihan mereka," tambah beliau.

Tengku Razaleigh tidak menolak perubahan itu membabitkan kepada mekanisma tertentu tetapi beliau yakin, dengan kebijaksanaan pemimpin UMNO, ianya bukan halangan kepada perubahan.

"Jika kita telus dan lebih dan bersikap terbuka, soal meminda perlembagaan parti bukannya perkara terlalu sukar. Kita sebenarnya boleh berbuat demikian jika kita utamakan kepentingan 3.4 juta ahli parti dan untuk menyuburkan demokrasi dalam UMNO. Asasnya mahu atau tidak kita berbuat demikian," tegasnya.

Katanya, ahli-ahli parti hendaklah dibebaskan dari pada dikongkong oleh Ketua Bahagian dalam menentukan perwakilan ke Perhimpunan Agung dan memilih pemimpin yang dikehendaki.

Dalam amalan sekarang katanya, ke banyakan Ketua-Ketua UMNO Bahagian dilihat 'berkuasa' untuk menentukan perwakilan bahagian ke Perhimpunan Agung dan sekaligus terdedah kepada unsur-unsur rasuah politik.

"Soal menentukan pemimpin bukan perkara remeh kerana ia membabitkan masa depan UMNO dan negara, tetapi kerana dikongkong dan mengikut telunjuk pihak tertentu atas faktor kepentingan, maka hak dan kuasa ahli diakar umbi diketepikan," tegasnya lagi.

"Saya juga ingin sarankan supaya etika pemilihan di semak semula bagi mengelakkan berlakunya amalan 'double standard'.

Ada dakwaan mengatakan tindakan disiplin lebih memihak kepada mereka diperingkat bawahan, sedangkan pemimpin di atas terselamat," tegasnya.

TERBIT 2 KALI SEBULAN AKHBAR POLITIK Harga: RM1.20

EraBaru

Wadah Perjuangan Bangsa

 MENARIK DI DALAM Laporan Perasmian Persatuan Wartawan Melayu Kelantan Muka 8/9	 BERAKH UMNO (BARU) DITUBUHKAN BENGAN HANYA RM274? Muka 10	 PEMILIHAN ANLI MT 'SATU ANLI SATU UNDI' Muka 20
--	--	--

Berikan hak 3.4 juta ahli UMNO pilih pemimpin

KUALA LUMPUR - Kaedah baru cadangan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO perlu diperluaskan kepada semua perwakilan di peringkat cawangan membabitkan 3.4 juta ahli sebagai langkah mengurangkan gejala amalan politik wang dalam UMNO.

Oleh: AMRAN MAMAT

LIRAT MUKA 4

Kak Pah Jangan Riak?



Datuk Hajah Sharifah Aini Syed Jaafar

KUALA LUMPUR - Perbicaraan Datuk Hajah Sharifah Aini Syed Jaafar atau yang dikenali juga dengan panggilan Kak Pah menjadi bertambah rumit apabila Mahkamah Majistret Petaling Jaya menolak permohonan untuk dibebaskan daripada tuduhan menfitnah penyanyi Siti Nurhaliza Tarudin pada 24 Ogos 2004.

LIRAT MUKA 2



Tengku Razaleigh Hamzah

Tengku Razaleigh Hamzah